

## **FAKTOR PENDORONG PEMILIHAN PROGRAM KEUSAHAWANAN DI NEGERI MELAKA**

Roslinawati Ibrahim<sup>1</sup>, Noor Fariza Mohd Hasini<sup>2</sup>, Noorizda Emellia Mohd Aziz<sup>3</sup>, Maryam Mohd Esa<sup>4</sup> & Rositah Kambol<sup>5</sup>

<sup>1,2,3,4,5</sup>Pensyarah, Fakulti Inovasi Perniagaan dan Perakaunan ,Kolej Universiti Islam Melaka

### **Abstrak**

Menyedari hakikat pentingnya sumbangan keusahawanan ke atas pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, kerajaan telah mengambil langkah drastik untuk memperhebatkan usaha mempromosi dan membudayakan keusahawanan di kalangan masyarakat terutamanya golongan muda. Malahan, terdapat juga Program Keusahawanan yang ditawarkan oleh IPTS demi menyokong hasrat kerajaan ini. Kajian ini cuba menilai faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar IPTS memilih Program Keusahawanan sebagai kerjaya. Data kajian ini dikumpul menggunakan borang soal selidik. Sampel kajian terdiri daripada 147 orang responden yang terdiri daripada 90 orang pelajar KUIM, 52 orang pelajar ICYM dan lima orang pelajar UCAM. Kesemua sampel dipilih daripada senarai IPTS yang menawarkan Program Keusahawanan dalam negeri Melaka. Data yang dikumpulkan melalui kajian dianalisa selaras dengan persoalan kajian yang telah dinyatakan. Analisa ini dibahagikan kepada dua bahagian dan berkait dengan objektif kajian yang dibentuk. Bahagian pertama, memfokus kepada analisa deskriptif seperti frekuensi, purata min dan sisihan piawai berhubung dengan profil demografi. Bahagian kedua pula, adalah pemberian nilai “mean skor” dan “ranking” untuk penilaian faktor pendorong pemilihan pelajar IPTS Program Keusahawanan di Negeri Melaka. Penyelidik telah menggunakan analisa korelasi Pearson dan regresi Liner dalam melihat hubungan di antara setiap faktor. Dapatan kajian mendedahkan bahawa ke empat-empat faktor mempunyai hubungan korelasi yang sangat signifikan pada tahap 0.001. Faktor paling dominan yang mendorong pelajar memilih Program Keusahawanan adalah faktor sikap kerana mempunyai nilai signifikan yang paling rendah (0.000) dan nilai beta yang paling tinggi (0.339). Bagi menggalakkan pelajar memilih Program Keusahawanan sebagai kerjaya, IPTS perlu memahami faktor pendorong dalam pembentukan Sikap kerana faktor ini mendominasi pemilihan pelajar dalam kajian ini.

**Kata kunci:** *Program Keusahawanan, Latar Belakang Keluarga, Peluang Pekerjaan,Sikap.*

## **FACTORS THAT ENCOURAGE THE SELECTION OF ENTREPRENEURSHIP PROGRAM IN MELAKA STATE**

### **Abstract**

Recognizing the importance of entrepreneurial contributions to a country's economic growth, the government has taken drastic measures to intensify efforts to promote and cultivate entrepreneurship among society, especially young people. In fact, there are also Entrepreneurship Programs offered by IPTS to support the government's aspirations. This study attempts to evaluate the factors that influence students of IPTS to choose the Entrepreneurship Program as a career. The data were collected using questionnaire. The sample consisted of 147 respondents consisting of 90 KUIM students, 52 ICYM students and five UCAM students. All the samples were selected from the IPTS list which offered the Melaka Domestic Entrepreneurship Program. The data collected through the study were analyzed in accordance with the questionnaire. This analysis is divided into two parts and relates to the objectives of the study. The first part focuses on descriptive analysis such as frequency, mean mean and standard deviation in relation to demographic profiles. The second part is the award of "mean score" and "ranking" value for the evaluation of the motivation factor of the selection of IPTS students of Entrepreneurship Program in Melaka State. The researchers have used the Pearson correlation analysis and Liner regression in looking at the relationship between each factor. The findings reveal that the four factors have a very significant correlation correlation at the level of 0.001. The most dominant factor that motivates students to choose Entrepreneurship Program is attitude factor because it has the lowest significance value (0.000) and the highest beta value (0.339). To encourage students to choose Entrepreneurship Program as a career, the IPTS need to understand the driving factors in Formation Attitude as this factor dominates student selection in this study.

Keywords: Entreprenuer Program, Family Background, Job Opportunity, Attitude

## **PENGENALAN**

Malaysia sedang mengubah keadaan masyarakat daripada bergantung kepada kerajaan kepada masyarakat yang bekerja sendiri. Masyarakat yang bekerja sendiri menurut Reza Wattimena (2011) ialah memiliki perniagaan atau melakukan kerja secara 'freelance' iaitu tanpa perlu mematuhi waktu bekerja, 8.00 pagi hingga 5.00 petang berbeza dengan makan gaji iaitu bekerja di bawah waktu bekerja dan perlu patuh kepada syarat-syarat tertentu yang dikenakan terhadap seseorang pekerja. Menyambung pengajian di peringkat Universiti dan mendapatkan pekerjaan yang baik untuk kehidupan yang selesa pada masa hadapan adalah menjadi impian semua mahasiswa apabila menjelaskan kaki di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Kebanyakan graduan yang menamatkan pengajian di IPTS mengharapkan mereka akan memperolehi kerjaya yang bersesuaian dengan bidang pengajian yang dipelajari semasa di Universiti. Realitinya tidak semua graduan berasas baik dan berjaya memperolehi pekerjaan sebagaimana yang diinginkan kerana pelbagai faktor halangan seperti kesukaran memperolehi pekerjaan, ganjaran yang tidak setimpal, faktor dorongan atau halangan keluarga dan sebagainya.

Untuk menjadi usahawan, seseorang individu itu perlu memiliki ciri usahawan yang baik sebelum menceburji bidang perniagaan dan keusahawanan. Seseorang usahawan muncul bukan kerana memiliki ciri-ciri personaliti semulajadi atau dilahirkan, tetapi kerana pelbagai faktor lain dan boleh dilatih, Zaidatol Akmaliah (2003). Menurut Hisrich (2008), kerjaya keusahawanan dipengaruhi oleh latar belakang pekerjaan ibu bapa seseorang usahawan dan keluarga memainkan peranan penting dalam mengalakkkan kredibiliti keusahawanan sebagai satu kerjaya. Ini telah disokong oleh Nor Aishah (2002) yang mendapati wujudnya perkaitan yang agak kuat antara kerjaya keluarga dengan pemilihan kerjaya usahawan. Pelajar merupakan golongan yang diharapkan dapat mencorak negara pada masa hadapan. Mereka mempunyai pelbagai kepakaran daripada segi ilmu pengetahuan yang dipelajari di peringkat tinggi dan ilmu tersebut sangat berguna jika dapat disalurkan kearah yang betul dan boleh dimanfaatkan oleh generasi lain. Galakan perlu diberikan kepada pelajar ke arah keusahawanan kerana golongan ini berpotensi menjadi usahawan yang berjaya. Pendedahan yang luas perlu diberikan kepada pelajar untuk menceburji bidang keusahawanan. Sikap dan persepsi mereka terhadap kerjaya keusahawanan harus diperbetul agar bidang keusahawanan boleh dipilih sebagai salah satu peluang pekerjaan selepas mereka menamatkan pengajian. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan di kalangan pelajar IPTS dalam negeri Melaka khususnya bagi melihat apakah faktor yang dominan yang menjadi pendorong mereka memilih Program Keusahawanan ini.

## KONSEP KEUSAHAWANAN

Menurut kamus dewan, edisi empat, perkataan keusahawanan ini berasal dari perkataan usaha. Dari segi konsep, ianya ialah sebarang kerja atau usaha yang bercorak perniagaan. Ianya adalah proses pewujudan perbadanan atau syarikat yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang tinggi dan ciri-ciri perniagaan yang bermatlamatkan keuntungan. Program Keusahawanan pula adalah merupakan aktiviti, latihan keusahawanan yang menyediakan pakej dalam memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri keusahawanan untuk menjadi usahawan yang berdaya maju dan berdaya saing. Program di bawah keusahawanan meliputi kursus, latihan, seminar, bengkel bagi input pendedahan, pengetahuan dan kemahiran di tahap pembudayaan keusahawanan, pewujudan usahawan serta peningkatan dan pengukuhan yang dianjurkan oleh sesebuah institusi atau organisasi. Di dalam kajian ini, program keusahawanan yang dipilih oleh pelajar akan dapat menghasilkan usahawan yang mampu menguruskan perniagaan dengan cekap, menjamin masa depan yang cemerlang dan berpendapatan lumayan.

Hairy, et. al (2015), menebut bahawa, dalam memilih sesuatu produk pengajian iaitu destinasi seseorang pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi, Model Chapman boleh dirujuk. Model Chapman (1981), menyatakan pemilihan institusi dipengaruhi oleh satu set pertakaran pelajar serta kombinasi satu siri pengaruh luaran iaitu: pengaruh orang yang berkepentingan, ciri-ciri tetap institusi dan inisiatif institusi tersebut berkomunikasi dengan bakal pelajar. Davis dan Van Dusen (1975), pula menyatakan pelajar akan memilih institusi yang dapat menawarkan program pengajian yang dikehendaki dan dapat memenuhi keperluan bagi melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi atau pencarian kerja kelak. Di Malaysia, bidang keusahawanan bukan lagi menjadi suatu bidang yang asing bagi masyarakatnya. Bidang keusahawanan sudah lama wujud sebagai satu pilihan kerjaya. Sejak zaman Rasulullah S.A.W keusahawanan telah memainkan peranan yang penting dalam pembentukan tamadun Islam. Malahan, kerjaya sebagai usahawan merupakan pilihan utama umat Islam pada awal kedatangan Islam. Rasulullah S.A.W sendiri memilih untuk bergelar usahawan pada ketika itu. Keadaan ini jelas menggambarkan kepada kita bahawa keusahawanan telah pun menjadi satu bidang kerjaya yang menjadi pilihan sejak dahulu lagi.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia telah mewujudkan Dasar Pembangunan Keusahawanan bagi tujuan untuk menggalakkan dan memantapkan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik di kalangan IPTS tempatan dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan dan melahirkan lebih ramai lagi usahawan yang akan bertindak sebagai pemangkin kepada transformasi ekonomi negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi dan berpaksikan inovasi ke arah pencapaian status negara maju menjelang 2020. Polisi dan strategi KPT telah termaktub melalui enam (6) teras strategik Dasar Pembangunan Keusahawanan

IPTS telah ditetapkan. Antaranya adalah menubuhkan pusat keusahawanan di setiap IPTS, menyediakan pendidikan dan Program Keusahawanan yang terancang dan holistik, memantapkan program pembangunan dan pengukuhan keusahawanan, mewujudkan mekanisma pengukuran yang berkesan, menyediakan persekitaran dan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan keusahawanan dan mengukuhkan kompetensi tenaga pengajar keusahawanan.

## **KAJIAN LAMPAU**

### **Hubungan antara Faktor Latarbelakang Keluarga dan Pemilihan Program Keusahawanan**

Di Malaysia, nilai kekeluargaan adalah faktor dalam pemilihan program keusahawanan terutama kebanyakan responden atau pelajar yang bakal membuat pemilihan berumur dalam lingkungan 17-26 tahun. Oleh yang sedemikian, setiap keputusan yang bakal dibuat akan dibawa berbincang bersama ahli keluarga. Nor Fadila dan Dzufi (2008), dalam kajiannya menyatakan keluarga dan rakan sebaya juga membantu dalam menimbulkan keinginan pelajar untuk menceburkan diri di dalam bidang keusahawanan. Ini kerana, keluarga memainkan peranan yang penting untuk membentuk personaliti seseorang. Selain itu, persekitaran keluarga di zaman kanak-kanak juga mempengaruhi pemilihan ke dalam bidang keusahawanan. Faktor-faktor tersebut adalah seperti susunan kelahiran, pekerjaan bapa dan hubungan dengan ibu bapa. Daripada segi susunan kelahiran, anak sulong dalam keluarga biasanya diberikan perhatian yang lebih. Ini kerana, anak sulong mendapat perhatian yang lebih di zaman kanak-kanak, individu ini menjadi lebih yakin terhadap dirinya sendiri. Walau bagaimanapun, terdapat juga percanggahan melalui kajian yang telah dijalankan oleh Hisrich dan Brush (1986), ke atas usahawan lelaki dan perempuan mendapati bahawa faktor susunan kelahiran kurang memberikan kesan kepada keusahawanan. Menurut Mohd Yusof dan Othman (2013), kerjaya keusahawanan dipengaruhi oleh latarbelakang pekerjaan ibu bapa di mana seseorang usahawan kebiasaannya mempunyai bapa yang bekerja sendiri sebagai usahawan dan begitu juga dengan ibu yang merupakan seorang usahawan Hisrich, (2000). Keluarga memainkan peranan penting dalam menggalakkan bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya. Ini kerana, peranan ibubapa sebagai penggerak ahli keluarganya supaya mencuba sesuatu yang baru dan melakukan sesuatu pekerjaan secara professional.

### **Hubungan antara Faktor Sikap dan Pemilihan Program Keusahawanan**

Hasil kajian Yusof, A.A (2009), menyatakan bahawa telah menjadi tanggungjawab pendidik untuk membentuk dan mengasuh minda serta sikap pelajar supaya melihat keusahawanan sebagai satu mekanisme yang boleh menjana pendapatan, membolehkan mereka memiliki kelebihan kompetitif yang tersendiri dan

seterusnya memiliki kejayaan. Tunggak dan Salamon (2011), melalui kajian mereka mendapati sikap merupakan sesuatu yang mengarah kepada terhasilnya sesuatu tingkah laku. Menurut mereka lagi, pembinaan sikap ke arah yang efektif & beretika dalam kalangan golongan dewasa termasuk golongan usahawan boleh dilakukan menerusi pendidikan dan pengawalan. Dalam kajian ini, Sikap merujuk kepada tingkah laku atau tindakan pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan. Mohd Osman (2007), menyatakan bahawa sikap adalah merupakan satu nilai abstrak dalam sanubari setiap orang sehingga dapat membentuk persepsi seseorang. Kajian Mohamed Idris (2009), pula menyatakan bahawa kepercayaan seseorang terhadap bidang keusahawanan ini sangat penting kerana ia mempengaruhi sikap mereka terhadap kecenderungan keusahawanan. Sikap usahawan dapat ditunjukkan melalui tingkah laku seorang usahawan.

Faktor Sikap memainkan peranan yang penting dalam bidang keusahawanan, Wan Hashim (2008). Ini disokong pula dengan pendapat Robinson (1991), yang telah menegaskan bahawa teori sikap telah banyak digunakan oleh para penyelidik samada dalam bentuk teori mahupun praktikal. Dalam pengkajian yang berkaitan keusahawanan, Sikap dapat memberi kesan yang khusus kepada tingkah laku, daya usaha, minat dan kesedaran seseorang terhadap apa yang dilakukan, Abdul Rahim (2001) . Menurut Ravi N. (2015), sikap terhadap kerjaya keusahawanan dikatakan boleh meramalkan tahap keinginan bagi membentuk tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan. Beberapa kajian lepas turut menunjukkan sikap sangat penting yang mampu merangsang gelagat atau tingkah laku usahawan dan berkemampuan untuk menentukan kejayaan sesebuah usaha teroka (Ab. Aziz dan Zakaria 2004; Azjen 1991; Davidson 1995; Krueger dan Brazeal 1994; Krueger et al. 2000 Mohd Salleh et al. 2005; Tonglet et al. t.th.). Sikap merupakan sebahagian daripada personaliti yang merujuk sekumpulan ciri-ciri yang menjadikan individu unik (Riker dan Brisbane 1997). Bird (1988; 1989) dan Robinson et al. (1991a: 1991b) menggunakan pendekatan sikap untuk meramalkan keusahawanan dalam kalangan individu sebagai alternatif kepada pendekatan ciri-ciri peribadi dan demografi. Pemilihan sikap ini dibuat kerana setiap orang dipercayai mempunyai sikap yang tersendiri dan berbeza di antara satu sama lain (Aronson et al. 2005; Myers dan Myers 1995).

### **Hubungan antara Faktor Peluang Kerjaya dan Pemilihan Program Keusahawanan**

Di Malaysia, kesukaran graduan memperolehi pekerjaan bukanlah perkara yang asing lagi. Ijazah Sarjana Muda yang diperolehi tidak menjanjikan graduan akan mendapat kerja yang selari dengan program atau jurusan pengajian mereka. Dengan keadaan ekonomi sekarang yang lebih menjurus kepada sistem kapitalisme dan trend globalisasi, banyak masalah yang boleh menyebabkan pengangguran yang tinggi dan kehilangan pekerjaan (Ramachandra 2003). Bekas Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Maznah Mazlan pernah berkata


sebahagian besar faktor itu membabitkan graduan sendiri seperti kurang permintaan terhadap bidang pengajian graduan, kurang kemahiran berkomunikasi, lemah dalam Bahasa Inggeris dari segi penulisan dan pertuturan. Selain itu terdapat graduan yang enggan berhijrah dari kampung halaman dan terlalu memilih tempat bekerja manakala sebahagian lagi terlalu mengharapkan gaji yang tinggi. Pada masa yang sama juga kebanyakannya majikan menetapkan pengalaman bekerja sebagai satu syarat pengambilan yang menjadi kekangan terbesar untuk para graduan yang baru tamat belajar seperti dalam Laporan Khas Berita Kampus USM (2011). Rusli Ahmad (2007), pula menyatakan kebanyakannya graduan memilih kursus yang menawarkan pekerjaan yang terhad. Sesetengah bidang tidak memerlukan ramai pakar dan pegawai kerana bidang itu tidak digunakan secara meluas. Pemilihan kursus yang tepat oleh pelajar amat penting ketika berada di Universiti. Kesilapan memilih bidang pengajian dengan tepat akan menyebabkan kesukaran memperoleh pekerjaan bahkan juga mengalami kesukaran untuk memperoleh pinjaman pelajaran atau biasiswa ketika belajar di peringkat pengajian tinggi.

Menurut Yusof (2003), beliau menyatakan bahawa keusahawanan merupakan suatu bentuk disiplin yang menjadi tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Ini disokong dengan penjelasan yang diberikan oleh M. Osman (2007), dimana keusahawanan yang sesuai dengan konteks Malaysia mempunyai kaitan rapat dengan usaha-usaha pembentukan dan pembangunan yang sejajar dengan perubahan teknologi, ini adalah bertujuan untuk mewujudkan kombinasi baru dalam melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengannya. Manakala, pandangan daripada Abdul Said Ambotang dan Rahzan (2017), melalui penulisannya di dada akhbar memberitahu bahawa keusahawanan merupakan bidang kerjaya yang amat penting di negara ini. Keusahawanan adalah sangat signifikan dalam membantu untuk meningkatkan kebolehpasaran siswazah atau lulusan IPTS seterusnya memenuhi hasrat kerajaan melahirkan masyarakat yang progresif dan berpendapatan tinggi.

Menurut Jaafar (2017), Malaysia sedang mengubah keadaan masyarakat bumiputera yang makan gaji kepada masyarakat yang berkerja sendiri yang mana secara tidak langsung telah menggalakan untuk berniaga dan menjadi usahawan. Sehubungan itu, pelbagai dasar kerajaan telah diperkenalkan supaya bidang keusahawanan dijadikan sebagai keutamaan pilihan kerjaya terutamanya selepas tahun 1995 iaitu dengan menubuhkan Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) yang bertujuan untuk membangunkan minat keusahawanan di kalangan pelajar sekolah, universiti dan masyarakat (Bukryman et al., 2008). Terdapat banyak program dan peluang-peluang perniagaan samada yang berbentuk kursus atau pembiayaan yang ditawarkan oleh agensi-agensi kerajaan seperti MARA, Jabatan Pertanian, FAMA, PUNB, SMECorp, PNB, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) , Perbadanan Kemajuan Negeri dan lain-lain lagi. Pernyataan ini disokong lagi oleh Hardy & Razmi, (2014) bahawa IPT adalah

merupakan tempat yang paling sesuai untuk memupuk minda keusahawanan graduan bagi melahirkan lebih ramai usahawan siswazah.

## KERANGKA KONSEP KAJIAN



Terdapat dua jenis pembolehubah yang digunakan iaitu pembolehubah bersandar (Pemilihan Program Keusahawanan) dan pembolehubah tidak bersandar (Latar Belakang Keluarga, Sikap dan Peluang Pekerjaan).

## Hipotesis Kajian

Hipotesis merupakan ramalan awal yang dibina berdasarkan kepada kajian lampau, persoalan kajian dan teori digunakan bagi menguji sesuatu fakta atau penemuan oleh Hair et. al (2011). Dalam penyelidikan ini, beberapa hipotesis telah dibina. Secara umumnya, terdapat tiga pembolehubah bebas atau tidak bersandar yang akan diuji iaitu, Latar Belakang Keluarga, Peluang Pekerjaan dan Sikap. Pembolehubah bebas ini dipilih untuk menguji hubungan dengan pembolehubah bersandar iaitu Pemilihan Program Keusahawanan.

H<sub>1</sub>: Terdapat hubungan antara Pemilihan Program Keusahawanan dengan Pemilihan Program Pelajar.

H<sub>2</sub>: Terdapat hubungan antara Latar Belakang Keluarga dengan Pemilihan Program Keusahawanan.

H<sub>3</sub>: Terdapat hubungan di antara Peluang Pekerjaan dengan Pemilihan Program Keusahawanan.

H<sub>4</sub>: Terdapat hubungan di antara Sikap dengan Pemilihan Program Keusahawanan.

## METODOLOGI KAJIAN

### Rekabentuk Kajian

Menurut Marican (2005), rekabentuk kajian ialah pelan tindakan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian ini dijalankan. Melalui

rekabentuk kajian ini ia berperanan sebagai panduan dalam membantu pengkaji dalam proses megumpul, menganalisa dan membuat pentafsiran hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Kajian tinjauan ialah kajian yang dijalankan ini merupakan kajian deskriptif. Menurut Marican juga, reka bentuk kajian tinjauan adalah prosedur dalam penyelidikan kualitatif dan kuantitatif yang mana pengkaji menjalankan satu tinjauan terhadap sampel atau keseluruhan populasi. Kajian tinjauan ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan kajian ini. Rekabentuk kajian ini seperti yang ditunjukkan dalam jadual dibawah.

<b>Rekabentuk Kajian</b>	<b>Kaedah Pengumpulan</b>	<b>Responden Sampel</b>	<b>/</b>	<b>Jenis Data</b>
Kajian Deskriptif	Soal selidik	Pelajar		Kuantitatif

Jadual 6.1.0 Rekabentuk Kajian

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Populasi kajian adalah merupakan satu set ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran yang tertentu ke atas sekumpulan individu atau objek. Populasi adalah kumpulan sasaran pengkaji iaitu kumpulan kepada siapa hasil kajian akan digeneralisasikan. Populasi juga boleh didefinisikan sebagai kumpulan yang lebih besar yang akan memperolehi manfaat daripada dapatan yang diperolehi hasil pengkajian saintifik ke atas sampel (Mohd. Majid Konteng, 2005). Populasi kajian terbahagi kepada dua (2) iaitu populasi sasaran dan populasi capaian. Populasi sasaran penyelidik ialah populasi yang ingin diselidiki oleh pengkaji serta dijadikan asas untuk membuat generalisasi. Walau bagaimanapun populasi sasaran ini jarang dapat diperolehi. Oleh sebab itulah populasi sasaran dikatakan sebagai populasi pilihan ideal oleh Fraenkel dan Wallen, (2006). Dalam kajian ini populasi sasaran ialah merupakan pelajar-pelajar di IPTS negeri Melaka yang memilih atau mengikuti Program Keusahawanan di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Populasi capaian pula dikatakan sebagai populasi pilihan realistik kerana kebanyakan pengkaji dapat menjadikannya sebagai asas untuk membuat generalisasi dapatan kajian. Sebagai contoh populasi sasaran ialah pelajar di setiap IPTS di negeri Melaka yang memilih Program Keusahawanan. Tidak semua IPTS di negeri Melaka ada menawarkan Program Keusahawanan. Hanya terdapat tiga (3) IPTS sahaja yang menawarkan Program Keusahawanan. Jadi populasi capaian dalam kajian ini adalah pelajar-pelajar IPTS di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Kolej Universiti Agrosains Melaka (UCAM) dan Kolej Yayasan Antarabangsa Melaka (ICYM).

### **Sampel Kajian**

Kajian ini menggunakan persampelan secara rawak untuk menentukan sampel. Dalam kajian ini pelajar daripada IPTS yang telah dipilih untuk menjadi sampel bagi mengkaji faktor-faktor yang mendorong mereka dalam memilih Program Keusahawanan (Mohd Majid Konting, 2000). Penyelidik memilih semua pelajar yang mengikuti Program Keusahawanan di IPTS sebagai sampel kajian.

### **Prosedur Kajian**

Dalam prosedur penyelidikan ini banyak melibatkan tentang proses kajian. Peringkat pertama, pengkaji telah menyediakan kertas cadangan penyelidikan yang hendak dibuat dan seterusnya menyediakan borang soal selidik. Proses yang seterusnya adalah proses pengumpulan data, pengumpulan data memerlukan penyelidik mendapatkan kebenaran daripada pihak IPTS yang terlibat iaitu KUIM, ICYM dan UCAM untuk menjalankan kajian di IPTS yang dipilih. Dalam kajian ini, soal selidik diedarkan kepada pelajar yang mengikuti Program Keusahawanan

### **Instrumen Kajian**

Borang soal selidik adalah satu set soalan yang dibangunkan dan diedarkan kepada responden untuk dijawab. Soal selidik ini dibentuk oleh penyelidik berdasarkan kajian lepas bagi setiap pembolehubah dalam kajian ini. Soal selidik digunakan untuk pengumpulan data yang sesuai apabila pengkaji mendapat data daripada responden untuk mengetahui ketepatan dan mempunyai hubungan dengan pembolehubah yang ingin dikaji. Bagi kajian ini, soal selidik dilakukan melalui kaedah bersemuka, Sekaran(2006). Kaedah ini dilakukan bertujuan untuk mengumpulkan data-data yang akan dianalisis untuk mencapai objektif kajian ini. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada empat (4) bahagian iaitu (A) Aspek demografi, (B) Pelajar Memilih Bidang Keusahawanan (C) Latar Belakang Keluarga, Sikap dan Peluang Kerjaya (D) Cadangan dan Pandangan. Justeru, pengukuran yang dibuat dalam bahagian B dan C bagi menilai tahap sesuatu pembolehubah adalah dengan menggunakan skala jenis Likert. Berdasarkan pernyataan-pernyataan yang dikemukakan, responden perlu menandakan tahap persetujuan berdasarkan pandangan mereka, skala jenis Likert ini dikelaskan dengan skor 1 hingga skor 5 iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju.

Aspek	No. Soalan
<b>Bahagian A : Maklumat Responden</b>	
IPTS	1
Jantina	2
Umur	3
Program	4
Tahun Pengajian	5
Bangsa	6
Taraf Perkahwinan	7
<b>Bahagian B : Program Keusahawanan</b>	
<b>Bahagian C:Faktor Pendorong Pelajar Memilih Program Keusahawanan di IPTS Negeri Melaka</b>	
Latar Belakang Keluarga	13- 17
Sikap	18-22
Peluang Pekerjaan	23-27
<b>Bahagian D : Cadangan</b>	
	28

Jadual 6.5.1: Taburan Pembahagian Soalan Borang Soal Selidik

## **6.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan**

Bahagian Soalan	Jumlah Item	Nilai Cronbach Alpha	
		Kajian Rintis	Kajian Sebenar
Latar Belakang Keluarga	5	0.944	0.852
Program Keusahawanan	5	0.938	0.817
Sikap	5	0.963	0.806
Peluang Pekerjaan	5	0.978	0.823
Keseluruhan	25	0.970	0.898

Jadual 6.6.1 Perbandingan Nilai Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan dalam kajian ini secara keseluruhan ialah .898 selepas melakukan kajian rintis. Mohd Majid Konting (1990) menyatakan bahawa pekali kebolehpercayaan yang melebihi daripada .60 sering digunakan dalam penyelidikan. Nilai kebolehpercayaan kajian rintis adalah tinggi iaitu .970 berbanding dengan kajian sebenar iaitu .898.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### **Analisis Deskriptif dan Korelasi**

Merujuk kepada Jadual 7.1.0, perkara IPTS mendapati 62.6% daripada jumlah keseluruhan responden adalah terdiri daripada pelajar KUIM. Seterusnya diikuti ICYM dengan peratusan 34.0%. Manakala UCAM yang paling sedikit bilangan pelajarnya yang memilih Program Keusahawanan iaitu sebanyak 3.4%. Berdasarkan perkara Jantina, sebanyak 71.4 % adalah pelajar perempuan dan 28.6% adalah pelajar lelaki. Hal ini menunjukkan bahawa bilangan pelajar perempuan yang menjawab dan berada dalam Program Keusahawanan di IPTS terlibat adalah melebihi daripada bilangan pelajar lelaki. Merujuk perkara umur pula, responden telah dibahagikan kepada empat (4) kategori umur iaitu 18 hingga 21 tahun, 21 hingga 25, 25 hingga 29 tahun dan 29 tahun ke atas. Majoriti responden berada pada kategori umur 22 hingga 25 tahun (51%), diikuti oleh responden yang berumur 18 hingga 21 tahun (46.9%), kategori umur 26 hingga 29 tahun sebanyak 2%. Dalam masa yang sama, berdasarkan perkara Program mendapati responden yang terlibat dalam kajian ini pula terdiri daripada dua (2) tahap program iaitu Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Majoriti responden berada pada tahap Ijazah Sarjana Muda iaitu 62.6 %, diikuti oleh responden yang berada pada tahap Diploma iaitu 37.4 %. Jika merujuk pada perkara Tahun Pengajian pula, didapati 27.9% responden yang berada di tahun pengajian pertama, 27.2% responden yang berada di tahun kedua, 31.3% responden berada di tahun ketiga, 12.9% responden yang berada di tahun pengajian keempat dan 0.7% responden yang berada di tahun pengajian kelima. Selain itu, perkara Bangsa mendapati responden kajian juga terdiri daripada pelbagai bangsa dengan bangsa majoriti iaitu Melayu sebanyak 91.2%, diikuti kaum Cina sebanyak 4.1%, kaum India pula sebanyak 2.7% dan lain-lain sebanyak 2%. Akhir sekali, berdasarkan perkara Taraf Perkahwinan mendapati responden dalam kajian ini juga terdiri daripada pelbagai taraf perkahwinan samada bujang atau berkahwin. Iaitu sebanyak 98.6% responden adalah bujang dan diikuti responden yang telah berkahwin sebanyak 1.4 %.

<b>ITEM</b>	<b>PERKARA</b>	<b>BILANGAN</b>	<b>%</b>
IPTS	KUIM	92	62.6
	ICYM	50	34.0
	UCAM	5	3.4
Jantina	Lelaki	42	28.6
	Perempuan	105	71.4
Umur	18 hingga bawah 21 tahun	69	46.9
	21 hingga bawah 25 tahun	75	51.0
	25 hingga bawah 29 tahun	3	2.0
	29 tahun dan ke atas	0	0
	Diploma	55	37.4
Program	Ijazah	92	62.6
	Pertama	41	27.9
	Kedua	40	27.2
	Ketiga	46	31.3
	Keempat	19	12.9
Tahun Pengajian	Kelima	1	0.7
	Melayu	134	91.2
	Cina	6	4.1
	India	4	2.7
Bangsa	Lain-Lain	3	2.0
	Bujang	145	98.6
	Berkahwin	2	1.4
	Lain-lain	0	0
Jadual 7.1.0 Jadual Profil responden			

### **Analisis Korelasi**

Jadual 7.2.1 menunjukkan responden yang setuju kepada faktor Latar Belakang Keluarga juga bersetuju kepada pemilihan Program Keusahawanan dengan seramai 34 (23.1%) responden. Manakala pada masa yang sama terdapat seramai 31 (21.1%) responden yang tidak pasti terhadap kebersetujuan Latar Belakang Keluarga tetapi bersetuju kepada pemilihan program kepimpinan. Terdapat juga seramai 24 (16.3%) responden yang tidak bersetuju kepada Latar Belakang Keluarga tetapi setuju kepada pemilihan Program Keusahawanan.

		Latar Belakang Keluarga					Jumlah
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	
Sangat Setuju	Tidak	0	1	0	0	0	1
		.0%	.7%	.0%	.0%	.0%	.7%
Tidak Setuju		0	0	1	1	0	2
		.0%	.0%	.7%	.7%	.0%	1.4%
Tidak Pasti		3	6	8	2	0	19
		2.0%	4.1%	5.4%	1.4%	.0%	12.9%
Setuju		1	<b>24</b>	<b>31</b>	<b>34</b>	5	95
		.7%	<b>16.3%</b>	<b>21.1%</b>	<b>23.1%</b>	3.4%	64.6%
Sangat Setuju		0	5	4	18	3	30
		.0%	3.4%	2.7%	12.2%	2.0%	20.4%
Total		4	36	44	55	8	147
		2.7%	24.5%	29.9%	37.4%	5.4%	100.0%

**Jadual 7.2.0:** Taburan Hubungan Antara Latar Belakang Keluarga Dengan Pemilihan Program Keusahawanan

Jadual 7.2.1 menunjukkan hasil daripada korelasi pearson di antara pembolehubah Latar Belakang Keluarga, Sikap dan Peluang Pekerjaan terhadap Program Keusahawanan. Jadual yang sama menunjukkan hubungan antara Latar Belakang Keluarga dengan pemilihan Program Keusahawanan mempunyai korelasi yang sangat signifikan pada tahap 0.001. Nilai  $P = 0.00$ . Nilai ini didapati lebih kecil dari  $\alpha = 0.05$ . Situasi ini bermaksud ujian berjaya menolak  $H_0$ . Jelaslah bahawa faktor Latar Belakang Keluarga mempunyai hubungan dengan faktor pemilihan Program Keusahawanan di IPTS negeri Melaka. Malah hubungan kedua pemboleh ubah ini adalah positif pada tahap 0.311. Ia bermaksud jika terdapat pertambahan peranan Latar Belakang Keluarga, pemilihan Program Keusahawanan juga akan meningkat sebanyak 31.1%.

		<b>Program Keusahawanan</b>	<b>Latar Belakang Keluarga</b>	<b>Sikap</b>	<b>Peluang Pekerjaan</b>
<b>Program Keusahawanan</b>	Pearson Correlation Sig. (2-tailed) N	1  147	.311(**) .000  147	.388(**) .000  147	.315(**) .000  147
<b>Latarbelakang Keluarga</b>	Pearson Correlation Sig. (2-tailed) N	 .311(**) .000  147	1  147	.202(*) .014  147	.174(*) .035  147
<b>Sikap</b>	Pearson Correlation Sig. (2-tailed) N	 .388(**) .000  147	.202(*) .014  147	1  147	.515(**) .000  147
<b>Peluang Pekerjaan</b>	Pearson Correlation Sig. (2-tailed) N	 .315(**) .000  147	.174(*) .035  147	.515(**) .000  147	1  147

\*\* Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

\* Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

Jadual 7.2.1: Korelasi Antara Faktor-Faktor Yang Mendorong Pemilihan Program Keusahawanan Dengan Program Keusahawanan

Jadual 7.2.2 memperlihatkan hasil regresi lurus berbalik yang bertujuan mencari pembolehubah mana yang paling dominan memberi pengaruh kepada pemilihan Program Keusahawanan di IPTS negeri Melaka. Hasil Jadual koofisyen, didapati dari model ke tiga, faktor Latar Belakang Keluarga dan Sikap mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pemilihan Program Keusahawanan. Walau bagaimanapun, faktor yang paling dominan adalah Sikap kerana mempunyai nilai signifikan paling rendah iaitu 0.000 dan nilai beta yang paling tinggi iaitu 0.339.

Model	Unstandardized Coefficients		Standardize d Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
1. (Constant)	1.645	.417		3.949	.000
Latar Belakang Keluarga	.162	.053	.232	3.055	.003
Sikap	.263	.100	.248	2.622	.010
Peluang Pekerjaan	.130	.106	.114	1.221	.224
2. (Constant)	1.720	.397		.000	.000
Latar Belakang Keluarga	.164	.053	.233	.002	.002
Sikap	.287	.092	.271	.002	.002
Peluang Pekerjaan	.154	.099	.135	.122	.122
3. (Constant)	2.063	.332		6.207	.000
Latar Belakang Keluarga	.170	.053	.243	3.208	.002
Sikap	.358	.080	.339	4.469	.000

Dependent Variable: Pemilihan Program Keusahawanan

Jadual 7.2.2: Hasil Coefficients dari Regresi Linear Kaedah Berbalik

## KESIMPULAN

Semua pembolehubah kajian didapati mempunyai hubungan dengan pemilihan Program Keusahawanan. Kesemua pembolehubah juga mempunyai hubungan dengan kadar sederhana yang positif. Kajian juga mendapati dua pembolehubah yang mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pemilihan Program Keusahawanan adalah Latar Belakang Keluarga dan Sikap. Walau bagaimanapun pembolehubah yang paling dominan adalah Sikap yang mempengaruhi pemilihan Program Keusahawanan oleh pelajar-pelajar IPTS negeri Melaka. Pada keseluruhannya, semua pembolehubah mempunyai hubungan yang signifikan iaitu di aras 0.01. Penyelidik menyarankan agar IPTS negeri Melaka memberikan tumpuan kepada semua pembolehubah bagi meningkatkan pemilihan Program Keusahawanan.

Melalui hipotesis pertama, dapatlah dirumuskan bahawa terdapat hubungan antara latar belakang keluarga dengan pemilihan Program Keusahawanan. Dapatan kajian tersebut selari dengan hasil kajian Mohd Asri Hj. Abdullah (1997), Chin Yee Wah (2003) dan Buerah Tunggak, Hussin et al. (2013) yang merumuskan bahawa pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh beberapa orang usahawan menunjukkan dengan jelas bahawa institusi keluarga dapat menyediakan pendidikan asas yang memupuk dan membentuk minat anak-anak mereka sebagai seorang usahawan pada peringkat yang lebih awal. Dalam masa yang sama, dapatan ini disokong melalui rumusan kajian Radin Khairuddin, et. al (1999) yang mendapati bahawa pelajar yang memohon untuk melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Teknik (SMT) telah dipengaruhi oleh keluarga mereka. Penentuan pemilihan kursus daripada ibu bapa haruslah jelas matlamatnya dan ia mestilah merupakan sesuatu yang realistik. Faktor yang dipengaruhi oleh

keluarga atau ibu bapa juga bukan sahaja hanya berkait dengan pengaruh dalam memberi keputusan untuk memilih kursus di SMT, malah sejarah dalam sesebuah keluarga juga akan menyebabkan seseorang pelajar itu cenderung untuk memilih kursus dalam aliran teknik di SMT. Tidak mustahil jika pelajar itu mempunyai salah seorang ahli keluarga yang turut bekerja dalam bidang yang dipohon dan ini telah mendorong mereka untuk mengikuti kursus yang sama seperti ahli keluarganya.

Hipotesis ke dua, dirumuskan bahawa terdapat hubungan di antara Sikap dengan pemilihan Program Keusahawanan. Hal ini bersesuaian dengan keterangan Ravi (2015) dalam kajiannya menyatakan sikap terhadap kerjaya keusahawanan dikatakan boleh meramalkan tahap keinginan bagi membentuk tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan. Dan melalui hipotesis keempat, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan di antara Peluang Pekerjaan dengan pemilihan Program Keusahawanan. Dapatan tersebut selari dengan kajian Norasmah dan Halimah (2007), kerjaya dalam bidang keusahawanan merupakan salah satu pekerjaan terbaik yang boleh diceburi oleh para siswazah untuk mengatasi pengangguran. Maka melalui, hasil kajian kolerasi setiap elemen berdasarkan hipotesis penyelidik dapat disimpulkan bahawa semua Hipotesis Nol ditolak. Ini menunjukkan kesemua elemen iaitu Latar Belakang Keluarga, Sikap dan Peluang Pekerjaan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemilihan Program Keusahawanan.

## **CADANGAN**

Pelbagai aktiviti promosi untuk Program Keusahawanan, seminar, karnival dan taklimat berkaitan Program Keusahawanan mestilah secara sedar menggunakan kesemua pembolehubah tersebut agar keberkesanan diperolehi semaksima mungkin. Maka, adalah dicadangkan agar pihak terlibat memberi kesedaran kepada keluarga. Ini kerana keluarga memberi impak yang besar dalam pemilihan Program Keusahawanan. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan adalah melibatkan ibu bapa dalam setiap program atau aktiviti keusahawanan di tadika, sekolah atau IPTS. Jadi, keluarga akan sedar betapa pentingnya Program Keusahawanan dan mampu membentuk kendiri anak-anak mereka agar meminati Program Keusahawanan ini sedari kecil.

Hubungan di antara Sikap dengan pemilihan Program Keusahawanan pula, dapatlah dicadangkan agar pihak terlibat memupuk sikap atau ciri-ciri seorang usahawan dalam diri setiap pelajar. Dalam masa yang sama, kerajaan melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah menawarkan pakej yuran pendaftaran percuma kepada pelajar-pelajar yang mahu mendaftarkan perniagaan mereka. Dengan adanya pendaftaran syarikat, maka mereka akan bersikap ingin tahu, meneroka dan berusaha agar lebih maju dalam bidang keusahawanan ini. Beberapa kajian lepas seperti kajian Ab. Aziz dan Zakaria (2004); Azjen (1991) turut mendokong faktor ini yang mana kajiannya menunjukkan sikap sangat penting

yang mampu merangsang gelagat atau tingkah laku usahawan dan berkemampuan untuk menentukan kejayaan sesebuah usaha teroka.

Sementara hubungan di antara Peluang Pekerjaan dengan pemilihan Program Keusahawanan, dicadangkan agar pihak terlibat atau penyelidik dapat melaksanakan kajian terhadap majikan dalam industri. Kriteria keusahawanan itu boleh diambilkira sebagai elemen penting untuk mengambil pekerja di kalangan para graduan. Pada masa kini, dalam keadaan ekonomi yang sebegini dan penduduk Malaysia yang semakin hari semakin meningkat. Sudah pasti kuota kerja itu semakin berkurang. Lantas, Malaysia perlukan Program Keusahawanan agar graduan menjadi usahawan itu ramai berbanding yang mencari pekerjaan. Dalam masa yang sama, Norasmah dan Salmah (2011) juga menyatakan bahawa para graduan perlu berfikir sebagai seorang pencipta kerja daripada berfikir mencari pekerjaan. Oleh itu, kerajaan telah mewujudkan pelbagai Program Keusahawanan untuk meningkatkan kemahiran serta melahirkan usahawan yang berdaya saing di era globalisasi. Kajian juga telah melihat pembolehubah yang paling dominan antara Latar Belakang Keluarga, Sikap dan Peluang Pekerjaan terhadap pemilihan Program Keusahawanan di IPTS negeri Melaka.

Sikap merupakan pembolehubah dominan tersebut. Pembentukkan Sikap dikalangan generasi muda di sekolah-sekolah adalah satu langkah penting dan berkesan untuk memancing mereka supaya memilih Program Keusahawanan ini. Kerjasama di antara pihak sekolah dengan IPTS dalam merencana dan melaksana aktiviti keusahawanan dapat meningkatkan sikap positif terhadap pemilihan Program Keusahawanan di IPTS tersebut. Cadangan-cadangan yang berdasarkan komen pelajar di bahagian D borang soal selidik antaranya ialah memberi peluang dan galakkan seperti aktiviti, program, kursus, kemahiran, memberi kesedaran kepada pelajar lepasan SPM, bantuan perniagaan sama ada dari segi modal atau informasi, memberikan kebenaran pelajar bermula di IPTS bagi mempraktikkan ilmu keusahawanan, menerapkan minat menjadi usahawan, keusahawanan sebagai subjek wajib pada semua program di IPTS, menarik minat belia menjadi usahawan, bermula kecil-kecilan, motivasi, memberi lebih informasi atas talian agar generasi Y dan alfa lebih terdedah dan mengikut tren, pendedahan tokoh usahawan berjaya dan setiap pelajar mendaftar SSM. Cadangan ini adalah bagi meningkatkan lagi statistik pelajar dalam mencuba bidang keusahawanan di Malaysia dengan memilih program keusahawanan sebagai permulaan kerjaya mereka.

## **RUJUKAN**

- Ab. Aziz Yusof , Zakaria. (2004). *Prinsip Keusahawanan: Satu Penilaian*. Edisi Kedua. Pearson Prentice Hall.
- Abdul Rahim Abd. Rashid. (2001). *Nilai-Nilai Murni Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Cergas (M) Sdn. Bhd.
- Abdul Said Ambotang, Mohd Razhan Ariff Mohd Zain. (2017) Faktor Penyumbang Kecenderungan Pemilihan IPTS Di Sabah. Utusan Borneo.
- Azjen, I. (1991). The Theory Of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*. 50(2) 179-211.
- Buerah Tunggak, Hussin Salamon , Baharin Abu. (2013), Pengaruh Faktor-Faktor Demografi Terhadap Budaya Niaga Usahawan Bumiputera Muslim, *Jurnal Kemanusiaan Bil. 20*, ISSN: 1675-1930 . Universiti Teknologi Malaysia.
- Chin Yee Wah (2003), Antitrust Considerations In China Mergers: Presentation to ABA Section of International Law and Practice 2003. Spring Meeting, Washington D.C
- Laporan Kajian Aspirasi Keusahawanan Belia Terhadap Memupuk Budaya Keusahawanan Ke Arah Menuju Pencapaian Wawasan 2020.Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.
- Davis J.S , Van Dusen (1975) A Survey of Student Values And Choices: A Pilot Studies of The Relationships of Student Values, Perceptions and Choices of Institutions. New York College Entrance Examination Board.
- Fraenkel, J. R. dan Wallen, N. E. (2006). *How to Design and Evaluate Research In Education* (6th Ed.). New York: McGraw-Hill.
- Hair, J. F., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2011). PLS-SEM: Indeed a Silver Bullet. *Journal of Marketing Theory and Practice*, 18, 139-152.
- Hairy Bin Kharauddin Baki, Anak Nyogen, Mohd Huzaifah Bin Abdullah. (2015). Pemilihan Jenis Program Pengajian Peringkat Sijil dan Diploma Kolej Komuniti Tanjung Datu Cawangan Santubong: Satu Tinjauan Pensyarah Kolej Komuniti Santubong. Kementerian Pendidikan Tinggi.

- Hardy Loh Rahim dan Razmi Chik. (2014). Graduate Entrepreneurs Creation: A Case of Universiti Technologi MARA, Malaysia. *Aust. J. Basic & Appl. Sci.*, 8(23), 15-20.
- Harun, H. (2001). Budaya keusahawanan pelajar Politeknik. Laporan Kajian Laluan Pantas. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Hisrich, R.D. (2000). The Irish Entrepreneur: Characteristics, Problems and Future Success. In *R. Rostadis, J.A Hornaday, R. Peterson, K.H.Vesper, Eds. Frontiers of Entrepreneurship Research 1986* p. 66-81.
- Hisrich, R.D. & Brush, C. (1986). Characteristic of The Minority Entrepreneur. *Journal of Small Business Management*. Pp 1-8.
- Hisrich, R.D., Peters, M.P , Shephard D.A. (2008). Entrepreneurship (International Edition). Singapore: The McGraw-Hill Education Asia.
- Jaafar, R. (2017). Program Tunas Mekar: Tinjauan di negeri Pulau Pinang. *ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities Vol. 1, November 2017*, 39-49.
- Kamus Dewan, Edisi Ke-Empat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Asri Hj Abdullah. (1997). Industri Kecil di Malaysia, Pembangunan dan Masa Depan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting. (1990). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting. (2000). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting. (2005). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Osman, M. H. (2007). Faktor-Faktor Yang Telah Mendorong Graduan Alumni UTM Menceburji Bidang Keusahawanan. Universiti Teknologi Malaysia: Sarjana Muda.
- Mohd Yusof, Y. & Othman, N. (2013).Kecenderungan Kerjaya Keusahawaan Dalam Kalangan Pelajar Perhebat Di Kolej Komuniti.

- Nor Aishah, B. (2002). Asas Keusahawanan. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Nor Fadila Mohd Amin, Dzufi Iszura Ispawi. (2008). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Bidang Keusahawanan Sebagai Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norasmah Othman , Halimah Harun. (2007). Keusahawanan Remaja Malaysia. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Norasmah Othman, Salmah Ishak. (2011). Kecenderungan Terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Mengikut Persepsi Peserta Skim Usahawan Siswa. *Jurnal Teknologi 56 (Sains Sosial), Sept. 2011: 47–63.* Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia.
- Radin Khairuddin, Mohammad, Rajuddin & Muhd Rashid. (1999) Faktor Pemilihan Bidang Serta Pencapaian Prestasi Pelajar di SMT. Bachelor Thesis: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ramachandra, R. (2003). The Big Jump Into Entrepreneurship. Singapore: Horizon Books.
- Robinson, P.B., Stimpson, D.V., Huefner, J.C. Hunt, H.K. (1991). An Attitude Approach to The Prediction of Entrepreneurship. *Entrepreneurship Theory and Practice, 15(4), 13-31.*
- Rusli Ahmad (2007). Proses Kognitif, Pembuatan Keputusan dan Pemilihan Kerjaya. Kajian Emperikal Menggunakan Perspektif Peta Kognitif.
- Sabitha Marican. (2005). Kaedah Penyelidikan Sains Sosial. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Tolbert. (1974). Counseling For Career Development. Haughton Mufflin Co. Boston.
- Tunggak, T. & Salamon, H. (2011). Budaya Usahawan Berjaya. UTM Press Universiti Teknologi Malaysia.
- Wan Hashim, W.N.D. (2008). Faktor Penghalang Terhadap Kesediaan Menjadi Usahawan. Universiti Teknologi Malaysia: Sarjana Muda.

Wattimena, Reza A.A. (2011). Metodologi Penelitian Filsafat. Kanisius. Yogyakarta.

Yusof, A.A. (2009). Pendidikan Keusahawanan Dalam Konteks Pembangunan Negara. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie. (2003). Pentadbiran Pendidikan. Petaling Jaya, Selangor: Fajar Bakti. 162.